



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 6 JANUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PETAK SAWAH KERING-KONTANG, 100 PESAWAH RISAU BEKALAN AIR TERPUTUS SEJAK DUA BULAN LALU, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 19	LAIN – LAIN
2.	HAMPIR 80 HEKTAR PETAK SAWAH KERING, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 20	
3.	DOSM LANCAR BANGI EKONOMI 2026, PROJEK STATISTIK TERBESAR, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 15	
4.	PETANI DAPAT PULANGAN LUMAYAN TANAM BETIK AMIRA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
5.	'INI MASA SESUAI BELI MUSANG KING', NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 22	
6.	SERENDAH RM3 SEKILO, LAMBAKAN RAJA BUAH DORONG HARGA MERUDUM, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 7	
7.	MUSANG KING NAIK, DURI HITAM TURUN, NEGARA, KOSMO, M/S – 12	
8.	HARGA DURIAN JATUH, RAMAI DAPAT MAKAN MUSANG KING, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 14	
9.	BUAH PREMIUM JADI PILIHAN PENIAGA, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 14	
10.	PENGELUARAN SERENTAK PUNCA LAMBAKAN, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 14	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	19

100 PESAWAH RISAU BEKALAN AIR TERPUTUS SEJAK DUA BULAN LALU

Petak sawah kering-kontang

Oleh Noorazura Abdul Rahman
am@hmetro.com.my

Yan

Lebih 100 pesawah sekitar Sungai Limau Dalam, di sini, berdepan musim paling mencahar apabila hampir 80 hektar petak sawah menjadi kering akibat ketiadaan bekalan air sejak dua bulan lalu.

Keadaan itu menyebabkan tanaman padi berisiko terbantut, sekali gus hasil padi dijangka merosot teruk hingga menjejaskan pendapatan mereka.

Antara kampung yang terkesan itu adalah Sungai Bujur, Sungai Limau Dalam, Sungai Tongkang, Sungai Kering, Sedaka yang berada bawah kawasan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) F IV Sungai Limau Dalam.

Pesawah, Salleh Lebai Hassan, 62, berkata, sawah yang diusahakan kini kering kontang dan tanah mulai meretakan.

Katanya, padi kini berada pada peringkat bunting kecil dan sangat memerlukan air, namun kekeringan berpanjangan menyebabkan pertumbuhan tidak sekata dan ada pokok berisiko mati.

"Saya hanya mampu menangis, tali air hampir kering, keadaan sangat kritikal, nak pam air pun tak naik. Saya berjaga hingga jam 3 pagi untuk pergi ke sawah dan pam air tetapi semuanya sia-sia, air tak



SEBAHAGIAN daripada pesawah menunjukkan kawasan sawah kering di Kampung Sungai Bujur. - Gambar NSTP/ WAN NABIL NASIR

naik ke sawah.

"Kalau keadaan ini berterusan, padi akan terentat (bantut) dan hasilnya pasti menurun.

"Musim kedua tahun lalu paling teruk dalam sejarah sejak saya mula mengusahakan padi kira-kira 46 ta-

hun lalu, musim lalu jadi juga macam ini, tetapi tidak seteruk musim ni," katanya di Kampung Sungai Bujur, di sini, semalam.

Salleh yang mengusahakan lebih dua hektar sawah berkata, kos mengusahakan padi semakin mening-

kat apabila terpaksa membeli pam air sendiri dengan harga hampir RM2,000.

Katanya, bukan semua pesawah mampu membeli pam, selain terpaksa menanggung kos petrol yang tinggi untuk menggerakkan pam berkenaan.

"Aduan sudah dibuat kepada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), namun dimaklumkan Empangan Pedu sedang menjalani kerja baik pulih menyebabkan bekalan air terjejas.

"Saya terpaksa gadai ba-

rang kemas isteri untuk tampung keperluan hidup dan kos mengusahakan sawah," katanya.

Seorang lagi pesawah, Ahmad Lazim, 64, berkata, dia juga terpaksa beli pam air sendiri bernilai RM1,800 selepas hampir dua bulan sawahnya kekurangan air.

Menurutnya, usaha itu tetap tidak berkesan sepenuhnya kerana paras air di tali air terlalu rendah dan terpaksa berebut dengan pesawah lain.

"Tetapi, pam pula pernah kena curi. Ini dugaan berganda. Sejak usia 16 tahun saya buat bendang, ini kali pertama keadaan jadi seteruk ini," katanya.

Ahmad yang mengusahakan lebih dua hektar sawah tanah sewa menjangkakan hasil akan merosot sehingga 40 peratus berbanding musim biasa.

Menurutnya, kebiasaan satu relung (0.28 hektar) mampu menghasilkan sekitar 1.3 tan padi, namun musim ini dijangka tidak mencecah satu tan.

"Dalam keadaan sekarang, nak tabur baja pun tak boleh sebab tak ada air. Padi mungkin tumbuh, tapi jadi hampa (tiada isi) kerana air tak cukup," katanya.

Dia sangat berharap pihak bertanggungjawab tampil segera melihat keadaan sebenar di lapangan dan mencari penyelesaian berkesan bagi mengelakkan kerugian lebih besar serta menjejaskan sumber pendapatan mereka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	20



Petani menunjukkan sawah yang kering berikutan kekurangan air di Kampung Sungai Bujur, Yan, semalam.
(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

Hampir 80 hektar petak sawah kering

LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL



KEDAI PEJABAT 2 TINGKAT



Jualan Perumahan Negeri Johor
Fai: PKPJ.606/02/2717

Sebarang pertanyaan, sila hubungi
Johor **07-262 1045**

Lebih 100 pesawah di Yan bimbang hasil padi merosot jejas pendapatan

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Yan: Lebih 100 pesawah sekitar Sungai Limau Dalam di sini, berdepan musim paling mencabar apabila hampir 80 hektar petak sawah menjadi kering akibat ketiadaan bekalan air sejak dua bulan lalu.

Keadaan itu menyebabkan tanaman padi berisiko terbanjut, sekali gus hasil padi dijangka merosot teruk hingga menjejaskan pendapatan mereka.

Antara kampung terbabit adalah Sungai Bujur, Sungai Limau Dalam, Sungai Tongkang, Sungai Kering, Sedaka yang berada bawah kawasan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) F IV Sungai Limau Dalam.

Pesawah, Salleh Lebai Hassan, 62, berkata sawah diusahakan kini kering kontang dan tanah mulai merekah.

Katanya, padi kini berada pada peringkat bunting kecil dan sangat memerlukan air, namun kekeringan berpanjangan menyebabkan pertumbuhan tidak sekata dan ada pokok berisiko mati.

"Saya hanya mampu menan- gis, tali air hampir kering, keadaan sangat kritikal, nak pam air pun tak naik. Saya berjaga hingga jam 3 pagi untuk pergi ke sawah untuk pam

air, tapi semua sia-sia, air tak naik ke sawah.

"Kalau keadaan ini berterusan, padi akan terentat (ban- rut) dan hasil pasti menurun. Musim kedua 2025 ini paling teruk dalam sejarah sejak saya mula mengusahakan padi 46 tahun lalu, musim lalu jadi juga macam ni tapi tak seteruk musim ni," katanya ketika di- temui di Kampung Sungai Bu- jur di sini, semalam.

Kos makin meningkat

Salleh yang mengusahakan lebih dua hektar sawah ber- kata, kos mengusahakan padi semakin meningkat apabila terpaksa membeli pam air sendiri dengan harga hampir RM2,000.

Katanya, bukan semua pesa- wah mampu membeli pam, se- lain terpaksa menanggung kos petrol yang tinggi untuk meng- gerakkan pam berkenaan.

"Aduan sudah dibuat ke- pada Lembaga Kemajuan Per- tanian Muda (MADA), namun dimaklumkan Empangan Pe- du sedang menjalani kerja baik pulih menyebabkan be- kalan air terjejas.

"Saya terpaksa gadai emas isteri nak tampung keperluan hidup dan kos mengusahakan sawah," katanya sebak.

Pesawah, Ahmad Lazim, 64, berkata dia turut membeli pam air sendiri bernilai RM1,900 selepas hampir dua bulan sa- wahnya kekurangan air.

Katanya, usaha itu tetap ti- dak berkesan sepenuhnya ke- rana paras air di tali air ter- lalu rendah dan terpaksa be- rebut dengan pesawah lain.

"Tetapi pam pula pernah ke- na curi. Ini dugaan berganda. Sejak umur 16 tahun buat ben- dang, ini kali pertama keadaan jadi seteruk ini," katanya.

DOSM lancar Banci Ekonomi 2026, projek statistik terbesar

Pelaksanaan meliputi 5 sektor utama jadi asas nilai semula kedudukan ekonomi negara

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratigah.sulaiman@bh.com.my

Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memulakan langkah penting dalam landskap pengurusan data negara apabila melancarkan pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 (BE 2026) yang disifatkan sebagai projek statistik terbesar dan paling kritikal pasca pandemik COVID-19.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata banci berkenaan menjadi asas utama untuk menilai semula kedudukan sebenar ekonomi negara, selain memastikan data yang digunakan kerajaan, pelabur dan pembuat dasar selari dengan realiti semasa.

Katanya, sistem statistik negara berteraskan tiga banci utama, iaitu Banci Penduduk dan Perumahan yang dilaksanakan setiap 10 tahun diikuti masing-masing Banci Pertanian dan Banci Ekonomi yang dijalankan setiap lima tahun.

"Pelaksanaan BE 2026 meliputi lima sektor utama iaitu perkhidmatan, pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian serta pertanian.

"Dapatan BE 2026 akan menjadi input utama kepada pelbagai dasar dan agenda, termasuk Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), agenda Ekonomi Digital, IR4.0, dasar fiskal dan monetari serta pelan pemerkasaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dan Bumiputera.

"Buat kali pertama, banci ini akan meliputi sektor informal seperti penjaja makanan, peniaga pasar tani, kedai runcit kecil, pengusahanya pengangkutan, pengusaha inap desa, pusat tuisyen, perniagaan mikro bergerak serta pelbagai aktiviti ekonomi sokongan yang beroperasi serta menyumbang secara signifikan kepada ekosistem ekonomi setempat dan di kawasan bandar terancang seperti Putrajaya.

"Data ini membantu menilai keberkesanan dasar sedia ada serta mengenal pasti hala tuju baharu bagi pembangunan ekonomi yang inklusif dan mampan," katanya pada majlis kick-off Banci Ekonomi 2026 di Pasar Tani Kekal FAMA, Presint 4, di sini, semalam.

Menjelang lanjut, Mohd Uzir berkata, berdasarkan rekod terkini daripada Daftar Perniagaan Perangkaan Malaysia (MBSR), BE 2026 dijangka meliputi 1.34 juta pertubuhan pada peringkat nasional.

Berdasarkan rekod terkini DOSM, pada tahun 2025 pertubuhan mikro meliputi 74.3 peratus diikuti pertubuhan kecil (20.8 peratus), pertubuhan sederhana (1.1 peratus) dan pertubuhan besar (3.8 peratus).

"Dari segi pecahan mengikut sektor pula, bidang perkhidmatan mengungguli peratus tertinggi, iaitu sebanyak 83.6 peratus (117,778) diikuti sektor pembinaan, 8.8 peratus (74,308), sektor pembuatan sebanyak 5.5 peratus (25,010), pertanian 1.9 peratus (3,354) dan sektor perlombongan dan pengkuarian 0.2 peratus.

Dalam pada itu, Mohd Uzir berkata, banci ekonomi terdahulu yang dilaksanakan pada 2023 tidak sesuai dijadikan tahun asas baharu kerana ekonomi negara ketika itu masih dalam fasa pemulihan pasca pandemik.

Sehubungan itu, BE 2026 yang menggabungkan data tahun kewangan 2025 disifatkan lebih stabil dan mencerminkan keadaan ekonomi yang hampir kembali normal.

Menurut beliau, langkah berkenaan selari dengan saranan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang menggesa semua negara menilai semula tahun asas ekonomi susulan gangguan besar akibat COVID-19.

Katanya, pemilihan tahun asas yang tepat amat kritikal kerana ia menentukan kewajaran sektor, kepentingan relatif industri serta ketepatan unjuran pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan.

Pengelasan industri baharu
Dalam banci kali ini, DOSM turut memperkenalkan pengelasan industri baharu dalam Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2025 yang diselaraskan dengan piawaian antarabangsa ISIC 2024.

Katanya, penyelarasan itu penting bagi memastikan keseragaman pengelasan industri dan kebolehbandingan data ekonomi pada peringkat antarabangsa.

"Ekonomi hari ini tidak lagi terbatas kepada sektor tradisional. Kita kini perlu mengukur sumbangan sektor baharu seperti tenaga boleh diperbaharui, ekonomi digital, pencipta kandu-



Mohd Uzir (tengah) membuat tinjauan selepas majlis kick-off Banci Ekonomi 2026 di Pasar Tani Kekal FAMA, Presint 4, Putrajaya, semalam. Turut kelihatan Pengarah FAMA Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Isa Hamzah (kiri).
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

ngan, perniagaan media sosial dan peniaga dalam talian," katanya.

Beliau mengakui, perubahan struktur ekonomi ini menjadi antara cabaran terbesar banci kali ini, khususnya dalam mengenal pasti dan mengklasifikasikan aktiviti perniagaan yang semakin pelbagai dan bersifat hibrid.

"Seorang peniaga kini boleh menjadi pengeluar, pedagang dan pemasar, namun pada masa sama, mereka turut menjalankan perniagaan sepenuhnya secara dalam talian dari kawasan luar bandar," katanya.

Tambahnya, pelaksanaan banci akan dimulakan dengan fokus kepada perusahaan mikro dan sederhana, sebelum beralih kepada syarikat sederhana dan besar yang membabitkan kira-kira 300,000 pemain utama ekonomi.

"Kita bermula dengan perniagaan mikro kerana data mereka lebih ringkas dan tidak mempunyai kekangan seperti penutupan akaun audit.

"Sementara kebanyakan syarikat besar mereka akan melaksanakan penutupan akaun dan kita jangka ia selesai melakukan audit pada Mac ini," katanya.

Beliau berkata, banci ini turut menggunakan pendekatan teknologi termasuk pengisian soal selidik secara dalam talian, analisis data digital serta kaedah 'web scraping' bagi mengesan perniagaan dalam talian yang ti-

dak berdaftar atau mempunyai pelbagai aktiviti.

Namun, beliau mengakui, kaedah berkenaan turut membawa cabaran dari segi ketepatan, pengesanan dan pengelasan aktiviti utama sesuatu perniagaan.

"Isunya bukan sekadar mengesan, tetapi memastikan aktiviti utama dikenal pasti dengan tepat kerana ia memberi kesan kepada data guna tenaga, produktiviti dan struktur kos," katanya.

Banci ini juga dijangka menonjolkan perubahan ketara dalam kecekapan ekonomi, termasuk penggunaan teknologi pembayaran digital serta pengurangan bergantung kepada tenaga kerja tradisional.

Aktiviti ekonomi baharu

Menurut beliau, sektor logistik dan penghantaran, ekonomi riadah, pelancongan komuniti serta aktiviti ekonomi tidak formal turut dijangka menunjukkan pertumbuhan signifikan.

"Banyak aktiviti ekonomi baharu wujud di kawasan luar bandar dan terpencil, tetapi mempunyai pasaran tanpa sempadan melalui platform digital.

"Sebagai contoh peniaga di kawasan pedalaman, namun pelanggannya dari serata tempat. Selain itu juga sekarang ini ramai melaksanakan aktiviti 'healing', ada sahaja kawasan lapang sudah boleh lakukan perniagaan. Ini semua akan diambil kira

dan dibanci," katanya.

Dari segi operasi, DOSM membabitkan kira-kira 1,500 petugas banci, termasuk pegawai tetap dan kakitangan kontrak yang dilatih secara khusus dengan pemantauan kualiti data dilakukan secara harian dan masa nyata.

Beliau berkata, kawalan kualiti menjadi keutamaan bagi mengelakkan lambakan data di penghujung tempoh banci yang boleh menjejaskan ketepatan analisis.

"Banci ekonomi bukan sekadar kerja kutip data, tetapi menuntut kefahaman mendalam mengenai industri, keupayaan membuat analisis dan pemikiran kritikal," katanya.

Menurutnya, hasil awal banci dijangka dapat dikeluarkan pada hujung 2026, manakala dapatan penuh akan diterbitkan pada suku pertama 2027.

Data berkenaan akan digunakan bagi menetapkan tahun asas baharu 2025, dengan sasaran penggunaan sepenuhnya menjelang 2028.

Beliau menegaskan, kejayaan banci ini amat bergantung kepada kerjasama semua pihak, termasuk peniaga kecil, syarikat besar, persatuan perniagaan dan pemain ekonomi digital.

"Tanpa data yang tepat, dasar yang dirangka berisiko tersasar. Banci ekonomi ini adalah asas kepada perancangan masa depan negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Petani dapat pulangan lumayan tanam betik Amira

SETIU: Berbudi kepada tanah tidak akan sia-sia. Ungkapan itu sesuai digambarkan kepada petani di Taman Kekal Penge-luaran Makanan (TKPM) Rhu Tapai, di sini apabila usahanya menanam betik Amira mem-bawa pulangan lumayan.

Petani, Nik Muhamad Saiful-lah Nik Ismail, 33, berkata, se-jak awal tahun lalu dia beralih kepada kepada tanaman be-tik Amira selepas sekian lama mengusahakan tanaman tem-bikai selepas melihat potensi pengeluaran buahnya bagi tempoh yang panjang.

Katanya, tembikai hanya di-tanam dua musim dalam tem-poh satu tahun namun berbeza dengan betik yang mana ia da-pat terus mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga tahun.

“Sejak saya mencuba tana-man betik Amira ini hasilnya sangat memberangsangkan. Setiap minggu saya mampu menuai lebih empat tan metrik buah ini untuk dijual kepada pembekal tempatan.

“Alhamdulillah tanaman betik ini lebih mudah dijaga berbanding buah lain di samp-ing permintaannya yang tinggi sepanjang tahun,” katanya ke-



NIK Muhamad Saifullah Nik Ismail menunjukkan betik Amira yang dituai dan siap untuk dijual di TKPM Rhu Tapai, Setiu, Terengganu.
- UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

tika ditemui *Utusan Malaysia* di TKPM Rhu Tapai.

Menurut Nik Muhamad Saifullah, penjagaan pokok be-tik mudah dan hanya memer-lukan kawalan serangga serta penyakit dengan penggunaan racun yang berkala bagi me-mastikan buah yang dihasilkan bergred tinggi.

Selain itu, pasaran betik sta-

bil dengan harga RM1.50 hingga RM3 mengikut jenis gred buah.

Katanya betik digemari oleh orang ramai kerana ia mempun-yai banyak khasiat dan vita-min selain baik untuk melan-carkan pencernaan.

Menurutnya, setakat ini dia mengusahakan dan menanam 15,000 batang pokok betik di tanah seluas 6.7 hektar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2026	SINAR HARIAN	NASIONAL	22

'Ini masa sesuai beli musang king'

Lambakan menyebabkan harga raja buah itu turun sehingga RM15 sekilogram bagi gred tertentu

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN -Minggu ini adalah masa terbaik untuk mendapatkan durian musang king selepas harga jatuh mendadak di pasaran sekali gus membolehkan penggemar membeli raja buah tersebut.

Peniaga durian, Nik Mazlan Nik Mat, 40, berkata, lambakan hasil menyebabkan harga buah itu turun sehingga RM15 sekilogram bagi gred tertentu.

Menurutnya, durian yang dijual diperolehi terus dari Raub di sini dengan jumlah jualan mencecah empat tan sehari ketika ini.

"Sekarang memang terlalu banyak hasil, dan ini masa paling tepat untuk orang ramai beli musang king kerana harga murah.

"Kalau lambat, harga boleh melambung semula selepas ini," katanya ketika ditemui di gerai jualannya di Batu 3, Jalan Kuantan-Gambang di sini pada Isnin.

Nik Mazlan yang berkecimpung dalam perniagaan itu lebih 20 tahun lalu menjelaskan bahawa harga musang king gred A kini sekitar RM25 sekilogram manakala gred B RM20.

Ujarnya, penurunan harga itu juga dipengaruhi oleh persaingan dengan varieti lain seperti duri hitam, selain bergantung kepada kemampuan pengguna.

"Sekarang orang bandingkan harga, jadi ada yang rasa lebih baik beli musang king waktu ini," katanya sambil memaklumkan turut menyediakan pelbagai sajian berasaskan durian seperti cendol durian dan ABC (air batu campur).

Sementara itu, Mohd Azmi Osman, 40, berkata, kejatuhan harga durian ketika ini dipengaruhi musim gugur yang berlaku serentak di Raub, Pahang dan Segamat, Johor sejak pertengahan bulan ini.



Nik Mazlan menunjukkan musang king yang dijual pada harga RM15 di Batu 3, Jalan Kuantan- Gambang pada Isnin.

Menurutnya, jumlah hasil yang tinggi dijangka berterusan sehingga bulan depan menyebabkan penawaran melebihi permintaan dan menekan harga pasaran.

"Apabila buah terlalu banyak, harga jadi rendah. Ketika ini durian dijual sehingga RM15 sekilogram mengikut gred dan saiz.

"Keadaan ini memberi peluang kepada orang ramai menikmati durian tanpa perlu memikirkan belanja yang tinggi, terutama bagi penggemar raja buah ini," jelasnya.

Mohd Azmi berkata, bekalan durian klon dan kampung diperolehi daripada pemborong utama di Segamat, selain membeli terus dari kebun serta memajak pokok bagi memastikan bekalan mencukupi sepanjang musim.

Jelasnya, selain dijual secara timbang, durian kampung turut dipasarkan dalam bentuk bakul dan guni dengan harga antara RM25 hingga RM30, bergantung kepada kuantiti dan kualiti.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2026	HARIAN METRO	LOKAL	7



MUHAMMAD Azizi menunjukkan durian musang king yang dijual serendah RM15 hingga RM30 sekilo mengikut gred yang dijual di gerainya di Kepala Batas. STR/ZULIATY ZULKIFFLI

LAMBAKAN RAJA BUAH DORONG HARGA MERUDUM

Serendah **RM3** sekilo

Oleh Zuliaty Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Jitra

Lambakan buah durian ketika ini menyebabkan harganya jatuh merudum terutama durian kampung yang kini dijual serendah RM3 sekilo.

Ini disebabkan buah durian yang terlalu banyak di kebun dan dijual di pasa-

ran menyebabkan peniaga terpaksa menjual durian masing-masing dengan harga rendah.

Kejatuhan harga itu menyebabkan durian premium seperti musang king di pasaran ketika ini memberi kelegaan bukan sahaja kepada peniaga, tetapi membuka peluang lebih luas kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah untuk menikmati varieti durian berkualiti

tinggi yang sebelum ini dianggap mahal.

Hasil tinjauan yang dilakukan semalam mendapati, durian varieti premium seperti musang king, D24, black thorn dan IOI kini dijual pada harga jauh lebih murah berbanding musim sebelum ini yang sekali gus menjadikannya pilihan utama peniaga berbanding durian kampung.

Peniaga durian, Muhammad Azizi Azizan, 35, ber-

kata, lambakan durian premium dari kebun komersial serta persaingan pasaran adalah antara faktor utama penurunan harga menyebabkan ia merubah corak jualan di kebanyakan gerai durian.

Menurutnya, harga durian premium termasuk musang king di gerainya kini boleh dibeli pada harga serendah RM15 sekilogram mengikut gred hingga RM30 pada waktu ini.

Musang king naik, duri hitam turun

- Bekalan kurang, permintaan raja buah meningkat
- Duri hitam dijual RM25 sekilogram

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN, LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR dan NOR AINNA HAMZAH

PETALING JAYA – Tidak sampai dua minggu, harga musang king di beberapa lokasi popular mengalami sedikit kenaikan antara RM4 hingga RM10 sekilogram (kg) bergantung kepada gred bermula minggu lalu.

Kenaikan itu didorong oleh bekalan yang semakin berkurangan manakala permintaan daripada penggemar raja buah itu semakin tinggi terutamanya menjelang hujung musim.

Bagaimanapun harga black thorn atau duri hitam pula menyaksikan penurunan apabila buah premium itu dijual pada harga RM25 sekilogram.

Di Ipoh, seorang peniaga, Mohd. Razak Mohd. Idris, 41, berkata, harga musang king dinaikkan sejak minggu lalu kerana bekalan yang diperolehnya dari Raub, Pahang semakin berkurangan.

"Sebelum ini memang saya jual sekitar RM14.90 sekilogram namun menjelang hujung cuti sekolah ini, permintaan makin tinggi terutamanya dalam kalangan pengunjung ke bahagian Perak Utara seperti Parit Buntar.

"Disebabkan bekalan semakin kurang dan permintaan kekal tinggi, harga itu terpaksa dinaikkan. Sebagai contoh, musang king gred A kini berharga RM25 sekilogram," katanya kepada Kosmo.

Pada masa sama, Mohd. Razak berkata, musang king gred B dan



ATAS: Ahmad Mustafa (kanan) menunjukkan musang king yang dijual di gerai di Kampung Damak, Jerantut.

KANAN: Nurshazryn menunjukkan duri hitam yang dijual serendah RM25 di Kedai Adi Durian di Sungai Layang, Rembau semalam.

C masing-masing dijual pada harga RM20 dan RM18 sekilogram dengan kenaikan itu adalah kelaziman dalam kalangan peniaga menjelang penghujung musim.

Di Jerantut, peraih durian, Ahmad Mustafa, 47, berkata, pada masa ini buah gred B yang sebelum ini dijualnya dengan harga kira-kira RM18 kini dijual dengan harga RM30 sekilogram.

Katanya, sebelum ini musang king pernah dilelong serendah RM3 sekilogram manakala secara purata musang king baby dijual dengan harga serendah RM10 sekilogram.

"Pada masa ini, buah semakin

berkualiti dan dapat dijual dengan harga yang semakin baik. Penurunan harga musang king sebelum ini berpunca daripada kualiti buah yang kurang elok termasuk akibat penyakit belang harimau," ujarnya.

Sementara itu, seorang lagi peniaga, Mohd. Azmy Noh, 35, berkata, biarpun harga musang

king naik, ia masih mendapat sambutan menggalakkan kerana rata-rata yang membeli terdiri daripada golongan berkemampuan dan jarang ada tawar-menawar dengan pelanggannya.

"Kita telah maklumkan kepada mereka bahawa buah ini akan naik harga pada hujung Disember, jadi mereka tidaklah terkejut

apabila melihat harganya ketika ini iaitu kira-kira RM25 sekilogram," katanya.

Tambahnya, selain musang king, peminat durian masih mempunyai pilihan seperti durian kampung yang boleh dibeli pada harga sekitar RM5 hingga RM7 sekilogram.

Dalam pada itu, peraih di Raub, Tengku Kamarul Baharudin Tengku Kamarul Zaman, 65, berkata, harga duri hitam ketika ini dijual dengan harga berpatutan antara RM14 hingga RM30 sekilogram sekali gus membolehkan penggemar raja buah itu menikmati durian premium.

Di Rembau, wakil penjual Kedai Adi Durian di Sungai Layang di sini, Nurshazryn Elyssa Mohd. Nordin, 23, berkata, harga duri hitam dijual RM25 sekilogram berbanding sebelum ini sehingga RM60 hingga RM86 sekilogram membuatkan kedainya menjadi tumpuan penggemar raja buah 24 jam.

"Disebabkan penangan harga runtuh pada tahun ini kami menawarkan khidmat jualan durian tanpa henti selama 24 jam. Uniknyanya pada pukul 3 pagi juga ada yang berhenti untuk makan durian di sini.

"Kebanyakan yang berhenti adalah pemandu lori dan mereka boleh memilih makan durian kampung serendah RM2 hingga RM8 atau durian premium antara RM25 hingga RM35.

"Macam musim kali ini, kami jual durian kampung dari Rembau iaitu durian Miku atau durian bukit yang sudah terkenal dengan kesedapannya. Bagi musim terbaharu ini, mereka mampu menjual sekitar dua tan durian setiap hari," ujarnya.

Harga durian jatuh, ramai dapat makan Musang King

Lambakan di pasaran bolehkan orang ramai nikmati 'raja buah'

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lambakan durian ketika ini menyebabkan harganya merosot, dengan durian kahwin boleh diperoleh serendah RM6 sekilogram manakala durian premium seperti Musang King dijual serendah RM20 sekilogram.

Peniaga durian di Greenwood, Farizkie Ridwan, berkata harga durian ketika ini hampir sama seperti 10 tahun lalu dan boleh dikategorikan sangat murah.

Katanya, kebanyakan durian yang dijual kini berasal dari Johor, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak.

"Saya percaya lambakan durian ketika ini disebabkan hampir semua negeri sudah mula menanam durian, selain mungkin terdapat banyak buah yang gagal dieksport."

"Bagaimanapun, keadaan ini memberi manfaat kepada orang ramai kerana mereka berpeluang menikmati durian pada harga lebih murah."

"Sebelum ini, harga durian kahwin kira-kira RM12 sekilogram, tetapi kini boleh diperolehi serendah RM6 sekilogram. Durian premium seperti Musang King atau Black Thorn pula dijual antara RM30 hingga RM40 sekilogram, berbanding sebelum ini antara RM40 hingga



Zaleha Abdullah memilih durian kampung susulan penurunan harga di Sifu Durian Greenwood, Gombak.

(Foto Nabila Adlina Azahari/BH)

RM60 sekilogram," katanya kepada BH.

Farizkie, yang juga generasi kedua berniaga durian di situ sejak 22 tahun lalu, berkata dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini, durian hampir sentiasa ada di pasaran setiap bulan.

Beliau berkata, keadaan itu berbeza dengan sebelum ini apabila durian hanya diperolehi pada musim tertentu, seperti Mei hingga Julai sahaja.

"Saya difahamkan durian kini sentiasa ada kerana banyak pokok lama ditebang dan digantikan dengan pokok baharu, menyebabkan buah ini tidak lagi bersifat bermusim."

"Namun, saya percaya jika du-



Farizkie Ridwan

rian banyak dieksport semula, harganya akan kembali naik seperti sebelum ini," katanya.

Katanya, di kedainya dia menjual pelbagai jenis durian seperti Musang King, Black Thorn, Teka dengan harga antara RM20 hingga RM40 manakala durian kampung boleh diperolehi dengan harga RM50 untuk dua biji hingga 13 biji mengikut saiz.

Nikmati buah dengan puas

Sementara itu, suri rumah, Zaleha Abdullah, 61, berkata dia mendapati harga durian ketika ini jauh lebih murah dan bekallannya juga banyak berbanding sebelum ini.

Katanya, keadaan itu menyebabkan dia kerap membeli durian, bukan untuk dimakan sendiri, sebaliknya untuk dijadikan kenduri dan sedekah di kelas agama.

"Semua orang suka makan durian, jadi ini masanya untuk membeli dan menikmatinya dengan puas. Namun, masih perlu berjaga-jaga dari segi kesihatan."

"Saya berharap harga seperti ini akan kekal supaya semua orang boleh menikmati durian tanpa perlu berkira-kira seperti sebelum ini," katanya.

Bagi kakitangan swasta, Al-vien Perdana Asrul, 30, dia jarang membeli durian sebelum ini kerana harganya agak mahal.

Namun, katanya yang menetap di Kepong, harga durian kali ini lebih murah menyebabkan dia sudah beberapa kali membelinya untuk dihidangkan kepada keluarganya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Buah premium jadi pilihan peniaga

Jitra: Lambakan buah durian ketika ini menyebabkan harganya merudum, khususnya durian kampung yang kini dijual serendah RM3 sekilogram.

Keadaan itu disebabkan bekalan durian yang terlalu banyak di kebun dan pasaran, sekali gus memaksa peniaga menawarkan harga lebih rendah bagi menghabiskan jualan masing-masing.

Kejatuhan harga berkenaan turut melegakan peniaga, selain membuka peluang lebih luas kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah menikmati durian premium seperti Musang King yang sebelum ini dianggap mahal.

Hasil tinjauan semalam mendapati varieti premium termasuk Musang King, D24, Black Thorn dan IOI kini dijual pada harga jauh lebih murah berbanding musim sebelumnya, sekali gus menjadikannya pilihan utama peniaga berbanding durian kampung.

Seorang peniaga durian, Muhammad Azizi Azizan, 35, berkata lambakan hasil durian premium dari kebun komersial serta persaingan pasaran antara faktor utama penurunan harga, sekali gus mengubah corak jualan di kebanyakan gerai durian.

Katanya, harga durian premium termasuk Musang King di gerainya kini dijual serendah RM15 sekilogram mengikut gred dan mencecah sehingga RM30 sekilogram ketika ini.

"Saya anggarkan 80 peratus pembeli durian premium sekarang terdiri daripada golongan berpendapatan sederhana yang sebelum ini tidak berpeluang menikmatinya.

"Buat sementara waktu, saya tidak menjual durian kampung kerana harganya terlalu rendah, selain permintaan terhadap durian premium lebih rancak berikutan harga yang berpatutan," katanya.



Muhammad Azizi menunjukkan durian Musang King yang dijual di gerainya di Kepala Batas.

(Foto Zuliaty Zulkifli/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Pengeluaran serentak punca lambakan

Kuantan: Harga durian premium kini lebih mampu milik, memberi peluang kepada penggemar menikmati Musang King dan Black Thorn tanpa perlu berkira-kira.

Tinjauan di beberapa gerai sekitar Batu 3, Jalan Gambang, mendapati Musang King dijual antara RM15 hingga RM30 sekilogram, jauh lebih rendah berbanding harga sebelum ini yang mencecah RM45 hingga RM55 sekilogram.

Black Thorn pula kini boleh dibeli pada RM35 sekilogram berbanding RM60 sebelum ini.

Seorang peniaga durian eng-

gan dikenali berkata, dia hanya menjual Musang King dan Black Thorn kerana mendapat permintaan tinggi berbanding jenis lain, khususnya durian kampung.

Katanya, harga yang ditawarkan ketika ini memberi peluang kepada penggemar durian, khususnya Musang King dan Black Thorn, menikmati buah berkenaan pada harga lebih rendah berbanding sebelum ini yang mencecah antara RM55 hingga RM60 sekilogram.

Penurunan harga itu dipengaruhi faktor lambakan buah di pasaran, selain bekalan yang diperolehi dari Karak dan Bentong.

"Sebelum ini memang sukar menjual durian pada harga antara RM15 hingga RM30 sekilogram, namun disebabkan bekalan yang banyak ketika ini, saya dapat menawarkannya pada harga lebih murah," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pengusaha Tanaman Industri Daerah Raub, Nicky Koh Kuan Heng, berkata lambakan durian di pasaran bukan disebabkan buah berkenaan tidak boleh diekspor, sebaliknya dipengaruhi beberapa faktor.

Katanya, antara faktor utama ialah pengeluaran durian di beberapa kawasan yang berlaku se-

rentak, termasuk proses pembungaan dan pembuahan dalam tempoh sama.

"Tempoh penuaian bertindih menyebabkan durian memasuki pasaran dalam jumlah besar dalam tempoh yang singkat.

"Eksport sebenarnya tidak terhenti sepenuhnya, namun bergantung kepada pematuhan standard kuarantin, gred dan spesifikasi, pembungkusan, rantaian sejuk, selain kapasiti gudang serta jadual penerbangan.

"Apabila terdapat lot yang tidak menepati gred eksport, ia akan dijual semula di pasaran tempatan," katanya.